

# Projek Jerai akan disiasat — Mahathir

Oleh  
ZAHARUDDIN MOHD. ALI

**K**UALA TERENGGANU 10 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Kerajaan Pusat akan menjalankan siasatan terhadap keseluruhan Projek Jerai International Park kerana ia boleh menjejaskan kedudukan kerajaan dan parti UMNO.

Menurutnya, kerajaan memandang serius pembinaan projek bernilai RM17 bilion itu dan siasatan rapi akan dilakukan.

Beliau menjelaskan, dalam melaksanakan sesuatu projek, kajian menyeluruh yang melibatkan latar belakang serta daya maju projek dan syarikat yang bertanggungjawab perlu dilaksanakan terlebih dulu.

Pada masa yang sama, tambahnya, kerajaan negeri juga harus mendapatkan reaksi rak-

U.M 11 APR 1994

dat sebelum sesuatu projek itu boleh dilaksanakan.

"Kerajaan tidak pernah menetapkan sebarang garis panduan untuk diikuti oleh kerajaan negeri dalam melaksanakan sesuatu projek.

"Tapi kalau cari syarikat yang cuma ada modal RM2, saya ingat tak payahlah buat projek RM17 bilion ini," katanya ketika ditanya pemberita pada sidang akhbar di akhir lawatan selama dua hari beliau ke Terengganu di sini petang ini.

Mengenai siasatan yang diumumkan itu, Perdana Menteri memberitahu, sehingga ini apa yang diketahuinya adalah sama dengan laporan akhbar yang tersiar semalam.

Projek itu mendapat bantahan penduduk tempatan di kawasan tersebut yang meminta Penasi-

— Lihat muka 2

## Projek Jerai akan disiasat — Mahathir

U.M 11 APR 1994  
hat Kewangan Kerajaan Pusat, Tun Dr. Zainuddin selaku ahli Parlimen kawasan berkenaan (Merbok) turut campur tangan kerana ia melibatkan tanah mereka.

Daim pada 7 April lalu telah meminta Kerajaan Negeri Kedah mengumumkan segala maklumat mengenai projek itu bagi kepentingan segala pihak yang terlibat.

Menteri Perdagangan dan Industri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abu Hassan Omar juga mengumumkan semalam bahawa Pejabat Pendaftar Syarikat sedang menyiasat latar belakang kewangan dua syarikat yang terbabit melaksanakan projek usahasama dengan Kerajaan Kedah bagi pembinaan 'Jerai International Park'.

Menurut laporan sebelum ini, siasatan yang dijalankan dengan Pejabat Pendaftar Syarikat mendapati, satu daripada dua syarikat terlibat dengan projek tersebut, Duta Point Sdn. Bhd. mempunyai modal berbayar hanya RM2 dan modal dibenar RM100,000 sehingga 30 Disember 1993.

Sebuah lagi syarikat, Suria Eksklusif Sdn. Bhd. juga mempunyai modal berbayar RM2 dan telah ditambah kepada RM800,001 pada 2 Disember tahun lalu manakala modal dibenar RM10 juta.

Kedua-dua syarikat itu menandatangani projek usahasama dengan Kerajaan Kedah pada 28 Januari lalu untuk melaksanakan projek pembangunan berkenaan.

Dalam sidang akhbar hari ini, Dr. Mahathir juga memberitahu, Kerajaan Pusat tidak pernah menghalang pengaliran bantuan kewangan bagi pelaksanaan usaha memperbaiki prasarana negeri-negeri.

Bagaimanapun, katanya, dasar kerajaan sekarang ini ialah menggalakkan pen-swastaan.

"Di negeri-negeri Pantai Barat, banyak kemudahan prasarana dilaksanakan secara swasta dan Kerajaan Pusat hanya memberi sedikit subsidi.

"Oleh itu, dasar yang sama boleh diamalkan di Terengganu," jelasnya.